

# PN tiada peruntukan lupus hutang FELDA RM8.3b

**Alor Setar:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal kenyataan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menuduh beliau berbohong mengenai pelupusan hutang peneroka FELDA.

Katanya, sebagai Menteri Kewangan, beliau baru saja menandatangani kelulusan pelupusan hutang itu pada akhir bulan lalu.

“Hari ini (semalam) mantan Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) membuat kenyataan Perdana Menteri berbohong kerana perkara ini (hutang) sudah selesai sejak 2021.

“Sekarang kamu kata sudah selesai, saya baru tandatangan akhir Jun, Menteri Kewangan tandatangan kelulusan ini. Jadi kamu sudah selesai tahun 2021 bagaimana, selesai di mana?” katanya pada Program Temu Anwar di Universiti Utara Malaysia (UUM), seperti dilapor Bernama di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata memang terdapat persetujuan oleh kerajaan terdahulu untuk melupuskan hutang berke-

naan, namun ia tidak dilaksanakan.

“Belanjawan 2021 bawah Perikatan Nasional (PN) dan 2022 bawah PN tidak ada peruntukan untuk menyelesaikan dan melupuskan hutang FELDA. Saya kekal dengan rekod ini. Hanya dalam Belanjawan Madani 2023 saya mula serahkan RM990 juta peruntukan awal untuk melupuskan hutang FELDA yang jumlahnya RM8.3 bilion,” katanya.

## Naik taraf klinik kesihatan

Sementara itu, berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Daerah Kubang Pasu di tapak pembinaan Masjid Changlun baharu di Jitra, Anwar berkata, kerajaan memberikan tumpuan terhadap usaha menaik taraf klinik kesihatan dan sekolah daif di negara ini dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan kesihatan negara.

Perdana Menteri berkata, usaha menyelesaikan segera isu kemudahan kesihatan dan sekolah daif di seluruh negara perlu dilakukan demi menjamin kebajikan rakyat dalam memenuhi ke-

perluan pendidikan dan kesihatan mereka.

“Tahun ini RM1.4 bilion disediakan untuk selesaikan semua masalah (baiki tandas, bumbung dan dinding sekolah daif), yang mana Jabatan Kerja Raya (JKR) buat, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) buat, jangan beritahu saya tak boleh baiki tandas di semua sekolah di negara kita termasuk di Kedah.

“Di Kubang Pasu kalau ada tandas yang tak dibaiki, perlukan peruntukan lagi, beritahu pejabat daerah dan pejabat daerah boleh hubungi saya, tak cukup (peruntukan) kita tambah dan selesaikan masalah tandas di sekolah ini,” katanya.

Anwar berkata, untuk Kedah, kerajaan memperuntukkan RM10.1 juta untuk pembaikan 40 klinik kesihatan dan enam sekolah daif daripada jumlah keseluruhan peruntukan Rolling Plan (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di negeri itu.

“Di Kubang Pasu, kerajaan memperuntukkan RM1.25 juta bagi kerja pembaikan empat klinik dan RM300,000 lagi perun-

tukan bagi pembaikan sebuah sekolah daif,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri mengulangi pendiriannya bahawa Kerajaan Perpaduan yakin dapat menoktahkan kemiskinan tegar dengan membantu 130,000 ketua isi rumah (KIR) keluar daripada permasalahan itu pada tahun ini.

Beliau berkata, Kedah mencatatkan bilangan miskin tegar sebanyak 11,742 KIR dengan bilangan miskin tegar sebanyak 1,589 KIR di Kubang Pasu.

Anwar turut meminta agensi Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan sewajarnya bagi mencapai matlamat itu.

“Saya kata noktahkan kemiskinan tegar, nak hapuskan kemiskinan ambil masa, tetapi kemiskinan tegar ini maknanya susu anak tidak ada, pakaian tidak cukup, nak hantar anak pergi sekolah tidak ada duit, suruh anak berhenti (sekolah) sebab tak cukup makan.

“Jadi kena noktahkan kemiskinan tegar 130,000 keluarga, sebab itu bila saya di Parlimen ada orang bantah dan kata mana boleh buat, saya kata insya-Allah sebelum akhir tahun ini 130,000 ini mesti kita bantu dengan segala jentera yang ada,” katanya.

Terdahulu, Anwar menyerahkan replika cek dana tambahan RM3.07 juta untuk pembinaan Masjid Baharu Changlun.

“Pada asalnya, projek ini diluluskan pada 2017 dengan jumlah peruntukan RM3.5 juta, namun pelaksanaan projek ini mengalami kelewatan kemajuan fizikal disebabkan beberapa faktor sehingga perlu dibuat penamatan kontrak.

“Atas dasar tanggungjawab dan keprihatinan Kerajaan Persekutuan, masjid ini perlu disiapkan dengan segera bagi memberi manfaat kepada kariah setempat,” katanya.

Anwar berkata, tambahan peruntukan ini menjadikan kos keseluruhan projek ini bernilai RM5.77 juta yang mengambil kira baki semasa projek terdahulu RM2.77 juta.